

PM: Bangsa Eropah punca semua masalah di rantau Asia

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bangsa Eropah merupakan punca kepada semua masalah yang dihadapi oleh rantau Asia sejak zaman penjajahan sehingga sekarang.

Perdana Menteri berkata, konflik antara umat Islam dan bangsa Eropah juga semakin mirip kepada pertembungan antara tamadun.

Katanya, berdasarkan sejarah lampau dan moden, semua masalah yang pernah melanda negara dan juga rantau ini secara keseluruhannya bermula daripada bangsa Eropah.

“Di Malaysia, kita hidup agak gembira, orang Arab datang, orang India datang, orang Cina datang, tetapi kita tidak dijajah.

“Tetapi sebaik sahaja orang Eropah ini datang, kita terus dijajah. Sekarang mereka memaksa pula kita mengikut ideologi, polisi ekonomi dan sebagainya.

“Akhirnya kita menghadapi masalah,” tegasnya pada sidang akhbar selepas sesi perbincangan hari pertama Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika ditanya sebab ucapan dasarnya kali ini memuatkan secara panjang lebar kritikan terhadap bangsa Eropah.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya cuba memberikan peringatan kepada ahli-ahli UMNO mengenai bahaya yang dihadapi oleh negara

walaupun Malaysia telah lama merdeka.

“Ada orang yang ingat sekali kita merdeka, kita akan merdeka selama-lamanya. Tidak, ia tidak bererti selama-lamanya, ia bukan sesuatu yang automatik, kita terpaksa bekerja keras,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, harapan supaya pertembungan antara tamadun seperti yang diramalkan oleh Samuel Huntington dalam bukunya, *Clash of Civilisations*, tidak menjadi kenyataan, semakin pudar berikutan tindak tanduk bangsa Eropah yang semakin mirip ke arah itu.

Kenyataan

“Namun, ia kelihatan seperti itu, kita telah mengharapkan supaya apa yang ditulis oleh Huntington itu tidak menjadi kenyataan,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia berada dalam keadaan yang baik sehinggalah tahun 1997 yang mana mata wang ringgit bersama-sama mata wang negara-negara lain disering dan dijatuhkan nilainya.

“Asia Timur sepatutnya menjadi enjin pertumbuhan dunia, abad ke-21 sepatutnya menjadi abad Asia.

Menurut Perdana Menteri, orang Asia agak pemalu untuk mengkritik bangsa Eropah tetapi mereka tidak pernah segan untuk mengkritik negara

“Jadi saya mahu menyatakannya secara jelas, panggillah senduk itu senduk,” tegasnya.